

TARIKH: 20/4/2023.

SURAT KHABAR: Nasional

MUKA SURAT: 6

## Hari kelepasan am terpakai kepada sektor swasta - KSM

**SHAH ALAM** - Kementerian Sumber Manusia (KSM) menegaskan bahawa hari kelepasan am yang diisytiharkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Hari Raya Aidilfitri terpakai kepada pekerja di sektor swasta.

Kementerian tersebut memaklumkan, para majikan digesa memberi hari kelepasan am tambahan yang diumumkan pada tarikh berkenaan.

"Mengikut proviso-kedua Seksyen 60D(1A) Akta 265, majikan juga boleh menggantikan mana-mana hari lain sebagai ganti kepada hari kelepasan am tambahan berkenaan.

"Sekiranya tiada penggantian, pekerja yang bekerja pada hari berkenaan layak menerima gaji pada kadar bayaran kerja hari kelepasan am," ujarnya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Baru-baru ini, Anwar telah mengumumkan satu hari kelepasan am tambahan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri 2023 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Ujar beliau, sekiranya tarikh 1 Syawal 1444 Hijrah jatuh pada Jumaat, 21 April, maka kerajaan menetapkan hari Isnin, 24 April nanti sebagai hari kelepasan am tambahan.

Anwar bagaimanapun menyatakan, jika tarikh 1 Syawal 1444 Hijrah jatuh pada Sabtu, 22 April, maka kerajaan menetapkan Jumaat, 21 April sebagai hari berkenaan.

Khamis 20/4/2023

Nasional . m/s 6